

GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI TABUNG PENGURUSAN RUMAH IBADAT

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 bagi Tabung Pengurusan Rumah Ibadat (TPRI) dan menggantikan Garis Panduan TPRI bertarikh 01 Julai 2013.
- 1.2 TPRI adalah sebuah tabung yang ditubuhkan bagi tujuan kutipan dana/sumbangan untuk pengurusan rumah ibadat di Malaysia yang akan digunakan semata-mata bagi tujuan ibadat penyembahan dan pemajuan agama mengikut anutan agama masing-masing.
- 1.3 Garis Panduan ini dikeluarkan bagi menerangkan :-
 - i. Kriteria dan syarat-syarat kelayakan TPRI untuk permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - ii. Prosedur permohonan oleh Jawatankuasa TPRI untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - iii. Tanggungjawab Jawatankuasa TPRI setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - iv. Akibat pelanggaran syarat-syarat kelulusan oleh TPRI di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - v. Tempoh kelulusan dan lanjutan permohonan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - vi. Kuasa KPHDN ke atas kelulusan dan penerapan syarat-syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967; dan
 - vii. Layanan cukai ke atas penderma TPRI yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

2. KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN TPRI UNTUK PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

2.1 Objektif

TPRI ditubuhkan di Malaysia untuk kutipan dana/sumbangan bagi tujuan dana pengurusan pentadbiran sesebuah rumah ibadat di Malaysia yang digunakan untuk penyembahan dan pemajuan agama mengikut anutan agama masing-masing.

2.2 Penubuhan TPRI

- a. Satu Jawatankuasa TPRI perlu dibentuk bagi tujuan kutipan dana/sumbangan untuk pengurusan pentadbiran rumah ibadat.
- b. Di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, TPRI akan diluluskan sebagai sebuah tabung bagi tujuan semata-mata untuk pengurusan pentadbiran rumah ibadat sahaja. Jawatankuasa Tabung Pengurusan Rumah Ibadat (AJK TPRI) yang dilantik mestilah menjalankan tanggungjawab berdasarkan Peraturan Tabung Pengurusan Rumah Ibadat.
- c. Kelulusan daripada Pertubuhan Agama Induk mengikut agama anutan masing-masing adalah diperlukan sebelum urusan pengurusan rumah ibadat dijalankan. Berikut adalah pertubuhan agama induk yang mengawal selia rumah ibadat mengikut agama anutan masing-masing iaitu:

Bil	Agama	Pertubuhan Agama Induk
i.	Islam (masjid/surau)	Majlis Agama Islam Negeri
ii.	Buddha (tokong)	(a)Malaysian Buddhist Association (MBA) (b)Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)
iii.	Kristian (gereja)	Christian Federation of Malaysia (CFM)[Incorporating the Catholic Bishops Conference Of Malaysia (CBCM), Council Of Churches Of Malaysia (CCM) and National Evangelical Christian Fellowship (NECF)]
iv.	Hindu (kuil)	Malaysian Hindu Sangam (MHS)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

v.	Sikh (gurdwara)	(a) Malaysian Gurdwaras Council (MGC) (b) Khalsa Diwan Malaysia (KDM)
vi.	Tao (tokong)	Federation Of Taoist Associations Malaysia (FTAM)
vii.	Lain-lain	Surat pengesahan oleh Pertubuhan Agama Induk yang diiktiraf Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Perpaduan Negara.

2.5 Oleh kerana TPRI dianggap sebagai satu entiti tersendiri, maka Jawatankuasa rumah ibadat perlu menyediakan akaun TPRI yang berasingan daripada akaun utama rumah ibadat. Pendapatan TPRI dan pendapatan-pendapatan lain rumah ibadat seperti berikut tidak boleh disatukan:-

(i) Pendapatan TPRI :

Secara amnya, pendapatan TPRI adalah derma daripada penganut dan orang awam.

(ii) Pendapatan-pendapatan lain rumah ibadat :

Pendapatan-pendapatan lain rumah ibadat seperti pendapatan penyewaan dewan atau premis, pengendalian tanah perkuburan awam, taman asuhan kanak-kanak, kedai buku dan lain-lain punca pendapatan tidak boleh disatukan dengan pendapatan TPRI. Akaun secara berasingan hendaklah disediakan.

3. PROSEDUR PERMOHONAN OLEH JAWATANKUASA TPRI UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

3.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan kelulusan adalah Pengerusi Jawatankuasa TPRI.

3.2 Permohonan hendaklah melalui surat rasmi dengan menggunakan kepala surat rasmi rumah ibadat berserta alamat surat menyurat, emel dan no telefon. Dokumen-dokumen sokongan lengkap lain yang diperlukan adalah seperti berikut -

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(a) Dokumen berkenaan institusi/ organisasi yang menubuhkan TPRI (sekiranya berkaitan):

- i- Sesalinan sijil pendaftaran dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri;
- ii- Sesalinan Perlembagaan atau Surat Ikatan atau Undang - Undang Kecil atau Kaedah- Kaedah yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Malaysia, Jabatan Perdana Menteri; dan
- iii- Senarai Ahli Jawatankuasa TPRI yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa.

(b) Dokumen berkenaan TPRI

- i- Ketetapan atau minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan TPRI dan meluluskan undang-undang kecil TPRI;
- ii- Kaedah-kaedah atau undang-undang kecil TPRI yang mengandungi fasal-fasal berkenaan nama, alamat, tujuan kawalan pengurusan, kawalan penggunaan kewangan, penyata kewangan beraudit, penggunaan kewangan, syarat-syarat pengurusan, pindaan kepada fasal-fasal dan pembubaran Undang-Undang Kecil; dan
- iii- Senarai Ahli Jawatankuasa TPRI yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa tersebut.

(c) Lain-lain dokumen sokongan:

- i- Sekiranya derma telah mula dipungut dari orang ramai, nyatakan tarikh derma pertama mula dipungut dan juga jumlah yang telah pun dipungut sehingga tarikh permohonan;
- ii- Jumlah bantuan wang Kerajaan atau mana-mana punca yang telah diterima atau dijanjikan jika ada; dan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- iii- Surat sokongan atau surat pengesahan bahawa perbelanjaan adalah pengurusan pentadbiran rumah ibadat hanya digunakan untuk tujuan keagamaan dan ibadat semata-mata.

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor

4. TANGGUNGJAWAB JAWATAN KUASA TPRI SETELAH MENDAPAT KELULUSAN SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

4.1 Berikut adalah senarai dokumen yang diperlukan bagi membuat permohonan:-

- i. Senarai semak TPRI (seperti lampiran)
- ii. Peraturan TPRI (seperti lampiran)
- iii. Format senarai Ahli Jawatankuasa TPRI (seperti lampiran)
- iv. Format senarai aktiviti TPRI (seperti lampiran)

4.2 Manfaat

Manfaat TPRI tidak boleh dinikmati oleh pengasas atau AJK dan staf TPRI atau ahli keluarga mereka.

4.3 AJK TPRI

- i. Bagi TPRI yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah sub kategori Jawatankuasa Pengurusan Bagi Rumah Ibadat atau diperakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri, 70% daripada AJK adalah terdiri daripada AJK Lembaga Rumah Ibadat tersebut dan 30% adalah terdiri daripada orang luar.
- ii. Manakala, TPRI yang dikendalikan oleh institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- syarikat menurut jaminan, 50% daripada AJK mestilah terdiri daripada orang luar .
- iii. Bagi perkara (i) dan (ii), lantikan AJK TPRI mestilah yang tidak mempunyai hubungan di antara satu sama lain seperti berikut –
- a. Hubungan kekeluargaan seperti ibu bapa, anak, adik beradik termasuk lain-lain hubungan kekeluargaan yang rapat;
 - b. Hubungan majikan dan pekerja; dan
 - c. Pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama.
- iv. Bagi tujuan kesinambungan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP, setiap pelantikan baharu atau pertukaran Ahli Jawatankuasa TPRI hendaklah dimaklumkan dan mendapat **kelulusan dari KPHDN terlebih dahulu**.

4.4 Perbelanjaan Dana TPRI

- i. Pendapatan dan derma yang diperolehi mestilah dibelanjakan setiap tahun untuk tujuan pengurusan dan menjalankan objektif-objektif TPRI sahaja. Wang terkumpul yang tidak habis dibelanjakan dalam satu tahun dibenarkan untuk dibelanjakan dalam tahun-tahun berikutnya.
- ii. Perbelanjaan yang dibenarkan adalah:-
 - a. Gaji tetap pekerja / upah pekerja sambilan seperti tukang cuci / tukang kebun;
 - b. Belanja pentadbiran, operasi dan penyelenggaraan;
 - c. Belanja utiliti seperti bayaran bil elektrik, air dan telekomunikasi meliputi telefon dan internet;
 - d. Belanja peralatan yang digunakan di rumah ibadat seperti penyaman udara, *WIFI systems, public address systems, sound and lighting systems, LCD Projector, LCD screens, computer, security control dan surveillance equipment*;
 - e. Bayaran penceramah;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- f. Belanja ubahsuai yang tidak melibatkan perubahan struktur asal bangunan rumah ibadat; dan
 - g. Belanja pembelian kenderaan semata-mata bagi kegunaan aktiviti rumah ibadat.
- iii. Jika didapati perbelanjaan yang dibuat tidak berkaitan dengan pengurusan rumah ibadat atau tidak munasabah, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) berhak menarik balik kelulusan yang telah diberi.
- iv. TPRI hendaklah menyimpan rekod bagi setiap perbelanjaan yang dituntut selama enam (6) tahun bagi semakan pematuhan syarat-syarat kelulusan TPRI di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- v. Dana TPRI tidak boleh digunakan bagi tujuan pembinaan, penambahbaikan atau pengubahsuaian yang mengubah bentuk asal rumah ibadat. Bagi tujuan pembinaan atau penambahbaikan rumah ibadat, permohonan hendaklah dibuat secara berasingan di bawah Tabung Pembinaan Rumah Ibadat (TPBRI).

4.5 Penyata Kewangan

- i. Jawatankuasa TPRI hendaklah mengemukakan **penyata kewangan beraudit** bagi setiap tahun kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (Jabatan Dasar Percukaian) selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya.
- ii. TPRI dikehendaki mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) **TF** ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan TPRI.

4.6 Pindaan kepada Peraturan TPRI

- i. Sebarang pindaan yang hendak dilakukan ke atas Peraturan TPRI hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan dan mendapat **kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN)** sebelum ianya boleh dilaksanakan.
- ii. Bagi tujuan kelulusan KPHDN, Jawatankuasa TPRI dikehendaki mengemukakan minit mesyuarat AJK yang meluluskan pindaan tersebut.

4.8 Resit Rasmi

- i. Semua sumbangan yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi (telah disahkan oleh LHDNM) yang mengandungi maklumat berikut:-
 - a. Nama, alamat dan no.telefon TPRI;
 - b. Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
 - c. Tarikh resit;
 - d. Nama penderma berserta nombor kad pengenalan/nombor passport/no.pendaftaran perniagaan dan alamat surat menyurat penderma;
 - e. Amaun yang didermakan;
 - f. Jawatan pemungut (*collector*) seperti Pengerusi atau Bendahari
 - g. Nombor rujukan kelulusan oleh LHDNM; dan
 - h. Tarikh atau tempoh kuatkuasa kelulusan.

4.9 Senarai Penderma

Satu senarai penderma yang telah menderma sebanyak RM20,000 dan ke atas hendaklah dikemukakan ke LHDN.

4.10 Pembubaran

Berikut adalah langkah-langkah yang perlu diambil oleh AJK sekiranya TPRI hendak dibubarkan:-

- (i) Mengemukakan surat permohonan pembubaran TPRI untuk kelulusan KPHDN. Surat permohonan pembubaran perlu menyatakan lebihan baki dana akan digunakan atau diagihkan.
- (ii) Dengan kelulusan KPHDN, tindakan pembubaran boleh dilaksanakan dengan menjelaskan kesemua hutang dan tanggungan. Baki wang boleh disalurkan kepada TPRI lain yang telah mendapat kelulusan KPHDN.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (iii) Akaun bank TPRI yang berasingan tersebut hendaklah segera ditutup.

4.11 Larangan

TPRI yang ditubuhkan tidak boleh melibatkan sebarang kegiatan politik atau gerakan Kesatuan Sekerja.

5. AKIBAT PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN OLEH TPRI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 5.1 Sekiranya TPRI melanggar mana-mana syarat kelulusan yang dinyatakan dalam garis panduan ini atau ACP 1967, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- 5.2 Perkataan '*syarat kelulusan*' termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab TPRI selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

6. TEMPOH MASA KELULUSAN DAN LANJUTAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 6.1 Tempoh kelulusan bagi TPRI yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 oleh KPHDN adalah untuk **5 tahun** sahaja.
- 6.2 Sekiranya Jawatankuasa TPRI berhasrat untuk melanjutkan tempoh pengecualian, Jawatankuasa TPRI boleh mengemukakan permohonan secara bertulis dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan.
- 6.3 Lanjutan tempoh kelulusan hanya akan diberi pertimbangan oleh KPHDN selepas semakan rekod pematuhan syarat kelulusan terdahulu dibuat.

7. KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT - SYARAT DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab TPRI yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak mengehendak atau sebaliknya menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967 berkenaan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8. LAYANAN CUKAI KEPADA PENDERMA TPRI YANG DILULUSKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 8.1 Penderma-penderma yang memberi sumbangan dan derma kepada TPRI di bawah kelulusan S44(6) ACP 1967 adalah layak mendapat tolakan cukai terhadap kepada 10% daripada pendapatan agregat individu dan syarikat.
- 8.2 Hanya derma wang tunai yang disokong oleh resit rasmi dan telah disahkan oleh LHDNM sahaja layak untuk mendapat tolakan cukai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

TARIKH : 15/07/2020

s.k LHDN.01/35/42/51/179-aa